

KEMAHIRAN MEMBACA

S.P 2.1.2 Membaca secara mekanis pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.

NAMA :

TARIKH :

TEMA 1 : AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

UNIT 2 : AMALAN KESEJAHTERAAN HIDUP

NOTA RINGKAS (Ciri-ciri Pantun Dua Kerat)

- Pantun mempunyai pembayang dan maksud (baris pertama ialah pembayang dan baris kedua ialah maksud)
- Setiap baris mempunyai tiga hingga lima patah perkataan.
- Setiap baris mempunyai lapan hingga sebelas suku kata.
- Rima akhir pantun ialah a,a
- Pengajaran atau mesej dalam pantun meliputi pengertian membimbing, mendidik, memberikan panduan, peringatan, iktibar, teladan dan sebagainya.

LATIHAN

Aktiviti 1 : Kenal pasti maksud tersurat bagi setiap rangkap pantun di bawah.

TAJUK : Pantun Dua Kerat

Rangkap	Maksud Tersurat
Berapa jauh wujud dengan sifat, Sejauh lutut dengan pelipat.	Walaupun diri seseorang itu mempunyai kekurangan, dia tetap mempunyai keistimewaan atau kelebihan tersendiri.
Sarang semut dalam gelap, Orang selimut selalu lelap.	Setiap perbuatan dan tindakan yang dilakukan berkait rapat dengan sifat seseorang itu sendiri.
Hitam-hitam pucuk kawa, Sungguh hitam dipandang lawa.	Seseorang yang tidak mahu berusaha atau berikhtiar akan gagal.
Emas, perak, tembaga, suasa, Malas bergerak tidak merasa.	Orang yang asyik berselimut akan menjadi orang yang kuat tidur.
Buah sindang buah senikul, Satu memegang satu memikul.	Kesungguhan dan kecekalan dalam melakukan pelbagai tugas atau kerjaya.

NUR ZAHIDA ROSLAN

KEMAHIRAN MEMBACA

S.P 2.1.2 Membaca secara mekanis pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul dan nada yang sesuai.

Aktiviti 2 : Jawab soalan pemahaman berikut dengan betul dan tepat.

1. Berdasarkan rangkap kedua dan rangkap keempat Pantun Dua Kerat (Nasihat) apakah sifat-sifat negatif yang dikemukakan oleh pemantun?

2. Nyatakan dua nilai yang terdapat dalam Pantun Dua Kerat (Nasihat).

3. Pada pendapat anda, apakah yang perlu dilakukan supaya hidup kita lebih berjaya?

PILIHAN JAWAPAN :

Sifat-sifat negatif yang dikemukakan oleh pemantun ialah orang yang pemalas dan sifat tidak mahu berusaha	Dua nilai yang terdapat dalam Pantun Dua Kerat Nasihat ialah nilai kerajina dan nilai kesungguhan
Pada pendapat saya, perkara yang perlu dilakukan supaya hidup kita lebih Berjaya ialah sentiasa berusaha dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan.	